

Utusan 8 Jan 2014

Penuntut UniSZA anjur program bakti siswa

PASIR MAS 7 Jan. - Kelab Pengurusan Sumber Manusia Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kuala Terengganu menganjurkan program bakti siswa di Kampung Banggol Perdana di sini baru-baru ini, selama dua hari untuk mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat setempat.

Pengarah program tersebut, Meor Mohd. Faizal Meor Shamiludin berkata, usaha itu merupakan platform untuk ahli-ahlinya membentuk jati diri bagi menempuh alam pekerjaan selepas menamatkan pengajian nanti.

Katanya, sepanjang tempoh

tersebut, kesemua peserta menginap di rumah ibu bapa angkat dan mereka didedahkan dengan pelbagai perkara berkaitan dengan jati diri.

"Melalui program ini juga para pelajar dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi antara mereka dengan penduduk setempat yang merupakan salah satu elemen penting dalam bidang pengajian mereka.

"Kesemua peserta yang menyertai program ini adalah pelajar jurusan diploma Pengurusan Sumber Manusia," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Sepanjang program terse-

but, para peserta turut bergotong-royong dan menyertai aktiviti kesenian masyarakat setempat.

Meor Mohd. Faizal membenarkan, dengan adanya program sebegini, para peserta dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kelas ke dunia sebenar.

Sementara itu, seorang peserta, **Zulhelmi Abd. Rasid** mengaku gembira dapat mengikuti program berkenaan.

"Pengalaman pertama kali menyertai program banyak membantu saya terutama dalam aspek komunikasi," katanya.



SEBAHAGIAN daripada peserta bersama orang kampung dalam program bakti siswa UniSZA di Kampung Banggol Perdana, Pasir Mas, Kelantan, selama dua hari bagi mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat setempat.

UniSZA tuan rumah Sukan Pantai

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dipilih sebagai tuan rumah Karnival Sukan Pantai Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 yang bakal berlangsung pada 18 hingga 24 Januari ini.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Riduan Mohamed Arof berkata, karnival yang pada awalnya dijadual berlangsung pada Disember lalu tetapi terpaksa ditunda ke bulan ini berikutan banjir yang melanda Pantai Timur,

baru-baru ini.

Lima acara

Katanya, karnival kali ketiga itu julung kali dianjurkan UniSZA selepas dua edisi sebelum ini menyaksikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi tuan rumah karnival yang berlangsung di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Penganjuran karnival ini turut mendapat kerjasama penuh Majlis Daerah Besut, Institut Pendidikan Guru Terengganu.

Kampus Sultan Mizan dan Syarikat Air Terengganu.

"Hampir 500 orang atlit dan pegawai akan terbabit dengan karnival ini yang membabitkan penyertaan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara akan bertanding," katanya.

Beliau berkata, lima acara bakal dipertandingkan iaitu bola sepak pantai, bola jaring pantai, bola tumpar pantai dan sepak takraw pantai di Pantai Air Tawar, Besut, Terengganu.



Riduan

Berita Harian 9/1/2014